



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PERATURAN PERMAINAN DART

1.0 NAMA

- 1.1 Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Dart **Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia**

2.0 UNDANG-UNDANG/PERATURAN

- 2.1 Semua pertandingan hendaklah mengikut Undang-undang Pertandingan Persatuan Dart Malaysia dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf UPM beserta dengan undang-undang dan peraturan yang disediakan oleh Pihak Penganjur.

3.0 PENYERTAAN

- 3.1 Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi Peraturan Am **Kejohanan Sukan staf Universiti Putra Malaysia**

4.0 PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PEMAIN

- 4.1 Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.
- 4.2 Setiap pasukan boleh mendaftarkan tidak lebih dari **6 orang pemain** (Minimum pendaftaran pemain adalah **tiga (3) orang**) bagi setiap pasukan.
- 4.3 Setiap pemain dibenarkan bermain dalam dua (2) acara iaitu acara Threesome dan Double atau single.

5.0 ACARA PERTANDINGAN/JADUAL PERMAINAN

- 5.1 Pertandingan ini dijalankan secara berpasukan.

- | | | |
|-----|------------------|-----------------------------|
| 5.2 | <i>Threesome</i> | - 701 |
| | <i>Double</i> | - 501 (Best of 3 " legs ") |
| | <i>Single</i> | - 501 (Best of 3 "legs") |

6.0 PAKAIAN PERTANDINGAN

- 6.1. Sila rujuk Perkara 8.0 Peraturan Am **Kejohanan Sukan staf Universiti Putra Malaysia**
- 6.2. Pemain hendaklah berpakaian kemas.
- 6.3. Bermain tanpa memakai kasut, berseluar pendek atau menggunakan selipar atau memakai kemeja T tanpa kolar atau tanpa lengan adalah **tidak dibenarkan**.

7.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1 Sistem pertandingan akan mengikut Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf UPM dan peraturan pihak penganjur.
- 7.2 Semua permainan dimulakan dengan "straight start" dan ditamatkan dengan "double";
- 7.3 Di dalam permainan beregu, pemain yang namanya tercatat sebagai pemain pertama akan memulakan permainan;
- 7.4 Pemain tidak dibenarkan berbincang atau mendapat buah fikiran dari mana-mana pemain dalam "in between throws" selain daripada "caller/chalker" dan itupun hanya kepada "score" yang diperolehi bagi bilangan pertama atau kedua. Pemain tidak dibenarkan untuk menanyakan tentang baki "score"nya;
- 7.5 Hanya "dart" yang melekat di "dartboard" diambilkira sebagai "score" setelah ketiga-tiga "dart" dibaling;
- 7.6 Pemain tidak dibenarkan mencabut "dart" nya dari "dartboard" sehingga ia bersetuju dengan "score" yang diperolehi atau sebelum "Caller/chalker" membuat kiraan;
- 7.7 Mana-mana salahkira yang dibuat oleh "caller/chalker" mengenai baki mata, pemain hendaklah memberitahu "caller/chalker" kesalahan berkenaan dan diperbetulkan sebelum pemain tersebut meneruskan balingannya. Sekiranya tidak ada sebarang bantahan yang dibuat oleh mana-mana pihak, maka kesilapan itu akan ditetapkan sah dan sebarang perubahan atau "score"tersebut tidak akan dilayan;
- 7.8 Kemenangan setiap pasukan adalah dikira mengikut set yang menang dan kalah.
- 7.9 Pengambilan minuman keras sebelum dan semasa pertandingan adalah dilarang sama sekali. Mana-mana pasukan yang didapati melanggar peraturan ini akan disingkirkan daripada bertanding;

- 7.10 Bagi permainan di peringkat suku akhir dan seterusnya, Jawatankuasa Kecil Teknikal Pertandingan boleh menamatkan sesuatu perlawanan jika sekiranya mana-mana satu pasukan telah mencapai mata kemenangan iaitu telah memenangi 3 permainan.

8.0 MENARIK DIRI ATAU MENYERAH KALAH

- 8.1. Rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am **Kejohanan Sukan staf Universiti Putra Malaysia.**
- 8.2. Semua pasukan yang bertanding mesti menghabiskan perlawanan peringkat liga.

9.0 BANTAHAN

- 9.1 Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi perkara 15.0 Peraturan Am **Kejohanan Sukan staf Universiti Putra Malaysia** dan juga dengan merujuk kepada pihak penganjur.